



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI  
MINISTRY OF ENTREPRENEUR DEVELOPMENT  
AND COOPERATIVES




# SKWAK

SKIM KUMPULAN WANG AMANAH KONTRAKTOR  
PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR

0% INTEREST

TIADA CAGARAN



**SKWAK** Bantuan wang pendahuluan kepada kontraktor Bumiputera  
Gred G1 hingga G5 memulakan kontrak kerja / Inden kerja

## SYARAT DAN KELAYAKAN KONTRAKTOR

- Gred G1 hingga G5 yang berdaftar dengan CIDB
- Memiliki Sijil Taraf Bumiputera (STB) yang masih aktif
- Projek bernilai tidak melebihi RM 5.0 Juta
- Modal dan tenaga pengurusan dimiliki dan dikuasai Bumiputera 100%
- GRED G2-G5**  
 Menerima SST daripada JKR dan JPS bagi kerja-kerja Persekutuan sahaja dan nilai kerja yang tertakluk kepada had nilai menender
- GRED G1**  
 Menerima inden kerja daripada JKR dan JPS bagi kerja-kerja Persekutuan sahaja dan nilai bagi satu-satu kerja hendaklah lebih daripada RM 100,000.00 dan tempoh siap kerja hendaklah tidak kurang daripada lapan (8) minggu
- Tidak menerima wang pendahuluan atau pinjaman dari mana-mana Institut kewangan
- Subkontraktor tidak layak memohon kecuali subkontraktor yang dinamakan (NSC)
- Mempunyai rekod kerja yang baik serta tidak terlibat dengan tindakan kesusahan berat kerana berhutang

## KRITERIA PINJAMAN

- Kemajuan kerja di tapak projek adalah kurang daripada **20%** semasa permohonan diterima
- Permohonan yang diluluskan layak menerima pinjaman sebanyak **25%** daripada Nilai Kerja Pembina atau Nilai Inden
- Pinjaman adalah bagi satu (1) kerja sahaja pada sesuatu masa
- Pinjaman diluluskan hendaklah digunakan khusus untuk perbelanjaan yang berkaitan dengan kerja-kerja kontrak
- Peminjam hendaklah menguruskan sendiri kerja-kerja kontrak yang berkenaan dan tidak boleh sama sekali menyerahkan kerja-kerja itu kepada pihak-pihak lain.
- 30%** daripada nilai pinjaman diagihkan kepada pembekal Bumiputera



## DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

1. BORANG PERMOHONAN SECARA ATAS TALIAN
2. PROFIL SYARIKAT YANG LENGKAP BERDASARKAN SENARAI SEMAK :
  - MAKLUMAT SYARIKAT
  - MAKLUMAT PROJEK
  - DOKUMEN SOKONGAN

## SOALAN-SOALAN LAZIM

### Apa itu SKWAK?

Merupakan bantuan wang pendahuluan kepada usahawan Bumiputera di mana kontraktor gred G1 sehingga G5 yang mendapat kontrak kerja Persekutuan daripada Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) layak memohon berdasarkan syarat yang ditetapkan.

### Berapa nilai pinjaman SKWAK?

Jumlah pinjaman SKWAK tertakluk kepada maksimum 25% daripada Nilai Kerja Pembina. Nilai Kerja Pembina (Builder's Work) didefinisikan sebagai Nilai Kontrak Kerja ditolak (-) (Wang Peruntukan Sementara + Wang Kos Prima).

### Bagaimanakah pengagihan dana SKWAK dilaksanakan?

Pembayaran SKWAK adalah mengikut pecahan berikut:

- a) 70% kepada kontraktor (Pemohon)
- b) 30% daripada nilai pinjaman yang diluluskan akan diagihkan kepada pembekal Bumiputera yang berdaftar dengan PKK

### Bagaimanakah cara pembayaran balik pinjaman SKWAK?

Bayaran balik pinjaman akan dibuat dengan kerjasama JKR dan JPS berdasarkan potongan daripada bayaran interim atau kemajuan projek kontraktor.

### Siapakah yang memantau prestasi peminjam SKWAK?

Pemantauan kemajuan fizikal kerja dan prestasi pembayaran SKWAK dipantau oleh wakil PKK Negeri bersama-sama dengan Pegawai Penelia projek melalui mesyuarat tapak.

### Apakah kesan jika GAGAL membuat bayaran balik pinjaman SKWAK?

Sekiranya peminjam gagal menyelesaikan pinjaman, tindakan perundangan akan diambil dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) yang dikeluarkan oleh PKK **boleh ditarik balik**.

# TATACARA PERMOHONAN

Permohonan pinjaman SKWAK boleh dilaksanakan melalui <https://iskwak.kuskop.gov.my>

# 1

Setiap permohonan perlu disertakan dokumen sokongan seperti yang dinyatakan di dalam senarai semak;

# 2

# 3

Permohonan hanya akan diproses apabila dokumen lengkap diterima; dan

# 4

Kelulusan pinjaman adalah tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Kontraktor.



-  OfficialKUSKOPMalaysia
-  officialmedmalaysia
-  KUSKOPMalaysia
-  [www.kuskop.gov.my](http://www.kuskop.gov.my)